



JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

(Accountant General's Department Malaysia)

KOMPLEKS KEMENTERIAN KEWANGAN

NO.1, PERSIARAN PERDANA

PRESINT 2

62594 PUTRAJAYA

Telefon : 603-8882 1000

Faks : 603-8882 1042

Laman Web : www.anm.gov.my

Ruj. Kami : JANM.600-15/4/6 (21)

Tarikh : 24 Jun 2025

Ketua Akauntan, Bahagian Akaun Kementerian

Pengarah JANM Negeri/ Cawangan

Tuan/ Puan,

SURAT EDARAN BPOPP BILANGAN 7 TAHUN 2025

**PELANTIKAN POS MALAYSIA BERHAD SEBAGAI AGENSI PUKAL BAGI
KEMUDAHAN BAYARAN PUKAL JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Pos Malaysia Berhad (POS) telah mendapat kelulusan untuk menggunakan Kemudahan Bayaran Pukal Jabatan Akauntan Negara Malaysia (kod agensi: 2000000041) pada 12 Januari 2024 bagi perkhidmatan penghantaran (kurier) dokumen dan barang-barang domestik dan luar negara secara pos laju kepada Kementerian/Jabatan Persekutuan.

3. Perjanjian Kemudahan Bayaran Pukal JANM antara Kerajaan Malaysia dan POS telah dimuktamadkan dan berkuatkuasa bagi tempoh tiga (3) tahun mulai 1 Januari 2024 sehingga 31 Disember 2026.

4. Untuk makluman, pengujian integrasi terhadap sistem agensi dan sistem iGFMS telah berjaya dilaksanakan pada 5 hingga 7 Mei 2025. Sehubungan itu, kerjasama Pejabat Perakaunan untuk mengambil tindakan seperti berikut:

- i. Mewujudkan akaun pukal dengan menghantar borang Kew.310e kepada agensi **bermula pada 1 Julai 2025;**
- ii. Memastikan Pusat Tanggungjawab (PTJ) **menyelesaikan semua tunggakan bil/invois terlebih dahulu sebelum mewujudkan akaun pukal** (hanya akaun

yang **tidak mempunyai tunggakan sahaja dibenarkan** untuk dibayar melalui Kemudahan Bayaran Pukal); dan

- iii. Memantau pelaksanaan pewujudan akaun pukal dan memaklumkan status kepada BPOPP melalui link <https://tinyurl.com/Pengesahan-Akaun-POS-AO-2025>.

5. Penetapan tarikh permulaan bagi pembayaran melalui Kemudahan Bayaran Pukal adalah pada bulan Ogos 2025 bagi bil bulan Julai 2025. Kerjasama tuan/puan bagi memastikan proses pewujudan akaun pukal ini berjalan lancar amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“Inovasi Digital Pemacu Prestasi Unggul”

Saya yang menjalankan amanah,



(ZAHARIN BIN OTHMAN C.A(M))

Pengarah

Bahagian Pengurusan Operasi Pejabat Perakaunan

b/p Akauntan Negara Malaysia

s.k:

Timbalan Akauntan Negara (Operasi)